



OCT
2025

SIAPA KAMI?

Cahaya Society ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah.

Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.

Selain itu, Cahaya Society juga aktif dalam menerbitkan karya dan tulisan tempatan di laman rasmi menerusi ruangan Arkib Cahaya bagi mengangkat apresiasi terhadap tulisan sama ada berbentuk ulasan buku, reviu filem, puisi, mahupun cerpen.

Demi Pendidikan,

Merdeka!



BIKIN APA?



Bengkel Paralegal Komuniti Bersama ANAK

Cahaya Society telah melaksanakan Bengkel Paralegal Komuniti bersama Melissa, wakil daripada organisasi ANAK. Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan asas tentang hak-hak komuniti dan peranan paralegal dalam membantu menyuarakan isu-isu keadilan sosial di peringkat akar umbi. Melalui perkongsian bersama Melissa, peserta berpeluang memahami bagaimana pengetahuan undang-undang asas boleh digunakan untuk memperkukuh advokasi komuniti, khususnya dalam memperjuangkan hak golongan terpinggir. Bengkel ini menjadi ruang penting bagi membina kefahaman, keberanian, dan solidariti dalam memperjuangkan hak asasi di peringkat komuniti.



KONGRES PROGRESIF 2025, PROGRES25

Cahaya Society baru-baru ini telah menyertai persidangan penganjuran Architects of Diversity (AOD) Malaysia yang menghimpunkan pemimpin-pemimpin progresif daripada pelbagai organisasi masyarakat sivil di seluruh negara. Persidangan ini menjadi wadah penting untuk berkongsi pandangan, mencanai idea serta membincangkan isu-isu berkaitan keadilan sosial dan kebebasan bersuara. Inisiatif ini diyakini mampu memperkukuh solidariti dan kolaborasi antara organisasi ke arah membina Malaysia yang lebih sejahtera, bebas daripada penindasan dan pengabaian dalam apa jua bentuk.



Pelancaran Liga Demokrasi & Forum Sabah State Election

Cahaya Society telah bergabung bersama CSO Platform for Reform serta rakan-rakan organisasi masyarakat sivil dalam sesi pembentangan Laporan Liga Demokrasi yang meneliti keadaan semasa demokrasi di Dewan Undangan Negeri dan Parlimen Malaysia. Penyertaan ini menegaskan komitmen Cahaya Society untuk terus menyumbang kepada wacana demokratik, memperkukuh peranan masyarakat sivil, dan memperjuangkan Malaysia yang lebih inklusif serta berkeadilan.



MyCARE x Rose2Rose x MWCQP x Cahaya Society

Pasukan Gifts of Smiles (GoS) telah menyeberang Teluk Sandakan menuju ke Opak Lestari bagi bertemu dengan anak-anak merdeka dalam satu misi kemanusiaan yang penuh makna. Lawatan ini bukan sekadar kunjungan, tetapi turut disertai dengan usaha membangunkan pustaka komuniti yang berperanan sebagai ruang pembelajaran dan pertumbuhan imaginasi untuk anak-anak di sana. Inisiatif ini dijayakan bersama pasukan misi GoS dari Semenanjung Malaysia yang hadir dengan semangat sukarelawan dan komitmen tinggi.



Forum Hak Buruh Di Sabah

Cahaya Society menyertai Forum Hak Buruh di Sabah anjuran European Union in Malaysia, CSO Platform for Reform dan Malaysian Trade Union Congress. Dalam sesi ini, Cahaya Society menyuarakan pandangan tentang krisis ketanpaan negara yang memaksa ribuan kanak-kanak tidak diiktiraf bekerja tanpa sebarang hak.



ASEAN Civil Society Conference/ASEAN People's Forum (ACSC/APF) 2025

Cahaya Society telah menyertai ASEAN Civil Society Conference / ASEAN People's Forum (ACSC/APF) 2025 yang berlangsung di Kuala Lumpur dengan tema "The Hidden ASEAN." Sebanyak 27 bengkel dalam talian telah dijalankan di bawah lapan tema convergence space, melibatkan lebih daripada 1,130 peserta pelbagai latar belakang. Selain itu, lebih 330 peserta dan 66 organisasi masyarakat sivil dari seluruh Asia Tenggara turut berkumpul secara bersemuka dalam #ACSCAPF2025 bagi mengangkat suara serta perjuangan yang sering terpinggir, menyeru kepada demokrasi, hak asasi manusia, keamanan dan keadilan di rantau ini.



Webinar PRN SABAH: APA TUNTUTAN GERAKAN RAKYAT?

Cahaya Society megendalikan Webinar dengan menampilkan pemimpin-pemimpin Organisasi Masyarakat Sivil (CSO) di Sabah yang berkongsi pandangan dan tuntutan mereka demi membina Sabah yang sejahtera, bersih dan berintegriti. Sesi ini menjadi wadah penting untuk memperdengarkan suara masyarakat sivil dalam memperkukuh tadbir urus, ketelusan dan keberterangjawabannya di peringkat negeri.



Program Usahawan 2025/2026

Cahaya Society berbesar hati menjadi rakan program Future Alam Borneo kali ini. Program ini memberikan banyak perkongsian berharga daripada para usahawan berpengalaman. Cahaya Society turut membawa wakil komuniti dan pelajar-pelajar bagi menambah pengetahuan serta membina jaringan baharu.



Garaj Cahaya dan Bengkel Seni Di Borneo Bird Festival 2025

Garaj Cahaya turut serta memeriahkan Borneo Bird Festival 2025 anjuran Rainforest Discovery Centre (RDC) dengan membuka booth khas yang mempamerkan hasil kreativiti komuniti. Bersama Cahaya Society, Garaj Cahaya turut melaksanakan bengkel seni interaktif yang memberi peluang kepada anak-anak Cahaya berkongsi ilmu serta kemahiran seni mereka dengan rakan-rakan baharu. Bengkel ini bukan sahaja memperlihatkan bakat dan kreativiti anak-anak komuniti, tetapi juga menjadi ruang untuk membina keyakinan diri serta semangat kolaborasi.

BIKIN APA?



Garaj Cahaya di ASEAN Civil Society Conference / ASEAN People's Forum (ACSC/APF) 2025!

Garaj Cahaya berpeluang membuka booth semasa ASEAN Civil Society Conference / ASEAN People's Forum (ACSC/APF) 2025 yang berlangsung di Kuala Lumpur dengan tema "The Hidden ASEAN." Penyeritaan ini menjadi platform untuk memperkenalkan inisiatif dan hasil kerja komuniti di bawah Cahaya Society kepada peserta dari seluruh Asia Tenggara. Melalui booth ini, Garaj Cahaya berkongsi pengalaman akar umbi dalam memperkasa komuniti stateless dan terpinggir, serta membina kefahaman rentas negara tentang isu kemanusiaan dan keadilan sosial.



Sukan Ikhlas Bakti

Terima kasih kepada SAR Ikhlas Bakti atas jemputan ke Sukan Tahunan serta peluang yang diberikan kepada anak-anak untuk turut serta bersukan bersama. Inisiatif seperti ini bukan sahaja menggalakkan gaya hidup sihat, tetapi juga mempererat hubungan antara komuniti dan sekolah



Syurga dalam Botol karya Ebi Kornelis

Anak-anak Cahaya Society berpeluang menonton karya kemanusiaan hasil arahan dan sentuhan kreatif Ebi serta pasukannya yang cemerlang. Program ini turut menjadi ruang riadah bermakna apabila anak-anak dan ibukom dibawa keluar untuk sesi outing bersama. Tontonan ini bukan sekadar hiburan, tetapi juga wadah pembelajaran dan refleksi tentang nilai kemanusiaan yang dekat dengan realiti kehidupan seharian komuniti. Cahaya Society merakamkan penghargaan kepada individu budiman yang telah menaja sesi tontonan ini.



Bengkel 'Kawan Kita Unik' bersama DR.Nazan(HDOK)

Cahaya Society telah menganjurkan bengkel "Kawan Kita Unik" bersama penceramah jemputan Dr. Nazan daripada Unit Carakerja, Hospital Duchess of Kent (HDOK). Bengkel ini memberi pendedahan kepada anak-anak Cahaya tentang pemahaman dan penerimaan terhadap rakan-rakan yang berada dalam spektrum autisme. Melalui sesi yang interaktif dan penuh kasih, anak-anak belajar untuk menghargai perbezaan, memahami keperluan rakan autistik, serta membina empati dalam pergaulan seharian. Inisiatif ini menjadi langkah kecil tetapi bermakna ke arah membina komuniti yang lebih inklusif dan memahami kepelbagaian setiap individu



Planet Kita - Jejak Sandakan

Cahaya Society melalui Kelab Alumni Cahaya bersama pelajar-pelajar Pusat Pembelajaran Cahaya telah melaksanakan aktiviti plogging, iaitu berjalan kaki sambil mengutip sampah di kawasan sekitar. Inisiatif ini bertujuan memupuk kesedaran terhadap kebersihan alam sekitar sambil menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan anak-anak Cahaya. Usaha ini diharap dapat menyemarakkan semangat menjaga kebersihan dan keindahan Sandakan; kerana Sandakan yang bersih adalah Sandakan yang kita banggakan!



CERITA DARI BAWAH

“Bila lagi kamu datang, Kak Tim?” tanya Along dan Angah — anak kembar yang belajar di Madrasah Nurul Jannah. Senyuman kegirangan tidak lekang dari wajah mereka sepanjang aktiviti Gift of Smile (GoS) bersama rakan-rakan misi yang lain. Program GoS siri ke-11 ini membawa sokongan pendidikan dan psikososial kepada komuniti dengan mewujudkan Pustaka Ilmu — satu sudut khas mesra kanak-kanak dan ibu bapa.

Antara bahan yang disediakan termasuk buku cerita, buku latihan Matematik, aktiviti Bahasa Inggeris dan Jawi, serta bahan permainan deria yang membantu perkembangan kognitif. Buku bacaan berteraskan nilai Islamik dan penerapan akhlak mulia turut dimasukkan sebagai ruang belajar bersama antara anak dan ibu bapa, menjadikan Pustaka Ilmu bukan sekadar tempat membaca — tetapi wadah membina kasih, ilmu dan harapan.

Terima kasih untuk semua yang terlibat dalam misi berimpak ini. Program ini diharap dapat menyemai semangat cinta akan ilmu dan membina komuniti yang lebih berdaya, di mana setiap senyuman anak-anak seperti Along dan Angah menjadi penggerak kepada usaha kecil yang membawa makna besar.



BULAN DEPAN, BIKIN APA?

W A R T A C A H A Y A

Festival Anak Kita

Program tahunan merayakan World Childrens Day kali ini disambut dengan pelbagai aktiviti antaranya forum, pertandingan dan persembahan.

Vaksin Measles & Rubella

National Cancer Society Malaysia dengan kerjasama Cahaya Society akan menjalankan program vaksinasi menyasarkan anak-anak Pusat Pembelajaran Cahaya.

Projek Baik Pulih Surau Opak

Surau Opak yang dibangunkan sejak empat tahun lalu semakin reput. Kita melancarkan projek kutipan dana untuk baikpulih semua tiang surau yang reput.

Pemerhati PRN Sabah

Cahaya Society antara yang dilantik menjadi pemerhati PRN Sabah bagi memastikan proses demokrasi dan penentuan kuasa ini berlaku dengan adil dan lancar.

GARAJ CAHAYA



GRAB YOURS NOW:



W A R T A C A H A Y A



IMBAS UNTUK
DAFTAR
AHLI

TERIMA KASIH!
MAGSUKUL!

Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah

8603686012 (CIMB Bank)



CAHAYA ENTERPRISE-QR

"Pendidikan Untuk Semua"

🌐 cahayasociety.org
✉ cahayasociety@gmail.com
☎ 089 666 915